



# KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD (MAYNEU) NO. PENDAFTARAN KS01281

Rujukan Kami : MN/CIR/0013/2025

13<sup>hb</sup> JANUARI 2026

*Salam Sejahtera Ahli-Ahli Yang Dihormati,*

## **MENGAPA PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MAYBANK HARUS MEMILIH MAYNEU SEBAGAI KESATUAN SEKERJA PILIHAN.**

**Ahli-Ahli** yang disanjung,

1. Penubuhan kesatuan MAYNEU adalah berdasarkan kepada prinsip yang utama iaitu mengembalikan hak-hak asas bermaruah sebagai seorang pekerja bukan eksekutif Maybank yang selama ini tidak dapat dinikmati.
2. Kita sebagai pekerja Maybank sewajarnya mendapat gaji dan faedah-faedah yang bersesuaian dengan status Maybank sebagai bank nombor satu di Malaysia. Sekiranya Mayneu berjaya mendapatkan hak tunggal rundingan perjanjian kolektif sudah pasti tempoh rundingan akan menjadi lebih singkat dan lebih bermutu. Mayneu akan berunding secara terus dengan pihak Maybank tanpa perlu merujuk kepada pihak ketiga iaitu Mayneu tidak perlu berunding melalui MCBA (Persatuan Bank-Bank Perdagangan Malaysia) yang dianggotai oleh bank-bank terkecil sehingga yang terbesar
3. MAYNEU lebih memahami kelemahan dan kelebihan cara kerja di Maybank kerana kami adalah seratus peratus pekerja Maybank dan bukan dari bank-bank luaran yang lain. Oleh itu sekiranya ada isu permasalahan di tempat kerja yang berbangkit, kami dapat menyelesaikannya dengan lebih efektif.
4. Yuran bulanan MAYNEU adalah yang terendah diantara semua kesatuan-kesatuan sekerja bank yang lain-lain iaitu yuran pendaftaran sebanyak RM 10.00 yang perlu dibayar sekali sepanjang perkhidmatan dan juga yuran bulanan hanya sebanyak RM 20.00.

Sekiranya ada rakan-rakan anda yang masih belum menganggotai Kesatuan MAYNEU, mereka boleh berbuat demikian dengan melayari laman web kami <https://mayneu.org.my/> ataupun hubungi wakil-wakil MAYNEU berdekatan di kawasan anda.

1. REGION PKP (PENANG, KEDAH, PERLIS)	ENCIK MOHD SHAMSUL	NO TEL: 0134020455
2. REGION PKT (PAHANG, KELANTAN, TERENGGANU)	ENCIK KHAIRULSYAH	NO TEL: 0139360600
3. REGION SNS (SELANGOR, NEGERI SEMBILAN)	ENCIK FAZLY HAMID	NO TEL: 0122775934
4. REGION JM (JOHOR, MELAKA)	ENCIK KAMARUDIN	NO TEL: 0136014322
5. REGION WP (WILAYAH PERSEKUTUAN)	ENCIK ABDULLAH SYAM	NO TEL: 0137070662
6. REGION PRK (PERAK)	ENCIK ZAKRI IDRUS	NO TEL: 0162700016

**JESNI MAHMOOD**  
**SETIAUSAHA**

s.k. Presiden, MAYNEU